

Headline	Pasar tani derma lebihan makanan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	6	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	297 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,502



Pasar tani derma lebihan makanan

Putrajaya: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diumumkan sebagai agensi pertama kerajaan menyokong program Food Bank Malaysia (PFBM) dengan menjadikan pasar tani sebagai penyumbang lebihan makanan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata PFBM @Pasar Tani itu akan dimulakan di pasar tani terpilih dengan Selangor dan Wilayah Persekutuan menjadi projek perintis sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Beliau berkata, antara kategori produk jualan yang disumbangkan adalah sayur-sayuran, buah-buahan dan barang runcit.

"Kita sasarkan anggaran sumbangan lebihan makanan antara lima hingga 10 peratus bagi satu pasar tani."

"Peniaga tahu corak perniagaan mereka, jadi boleh beri sumbangan pada awal ataupun akhir jualan," katanya selepas pelancaran program Food Bank Malaysia @Pasar Tani di sini, semalam.

PFBM diperkenalkan sebagai satu inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



Saifuddin bersama Pengerusi FAMA, Ishak Ismail menunjukkan barang keperluan yang akan diagihkan kepada penerima pada majlis pelancaran Program Food Bank Malaysia @Pasar Tani di Putrajaya, semalam.

[Foto Mohd Fadli Hamzah/BH]

membantu golongan kurang ber-kemampuan mendapatkan bantuan bekalan makanan daripada lebihan makanan.

Konsep program ini adalah menyelamatkan lebihan makanan yang masih boleh dimakan melalui pengumpulan daripada penyumbang iaitu pasar raya, pengilang, pengusaha makanan, hotel dan syarikat korporat.

Saifuddin berkata, 500 kilogram

sumbangan makanan dikumpulkan semalam daripada Pasar Tani Kekal Selangor dan My Farm Outlet Putrajaya dan akan diagihkan kepada dua rakan strategik utama Food Bank Malaysia, iaitu Food Aid Foundation dan Kecahara Soup Kitchen.

"Makanan yang dikumpul akan diagihkan kepada kumpulan sasar yang sudah dikenal pasti daripada keluarga miskin dan

kurang upaya, rumah kebajikan, pusat bantuan makanan, pertubuhan bukan kerajaan dan pelajar universiti yang kurang ber-kemampuan," katanya.

Pengumpulan sumbangan makanan ini akan diteruskan ke Pasar Tani Setiawangsa, Taman Melawati dan Kelana Jaya pada 27 Julai dan Pasar Tani Shah Alam dan Bukit Angkasa, pada 28 Julai ini.